

GARIS PANDUAN MENAMAKAN SYARIKAT

1. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah dipakai bagi mana-mana permohonan nama sama ada untuk pemerbadanan sesebuah syarikat atau pertukaran nama sesebuah syarikat.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Akta Syarikat 1965 (Akta) memperuntukkan bahawa sebelum sebuah syarikat atau pertukaran namanya didaftarkan, nama atau nama baru yang dicadangkan bagi syarikat itu hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna atau Pendaftar Syarikat, masing-masingnya menurut hal keadaan tertentu.

Peruntukan statutori terkandung di bawah subseksyen 22(1) Akta yang memperuntukkan bahawa kecuali dengan persetujuan Menteri, sesuatu syarikat tidak boleh didaftarkan dengan nama yang, pada pendapat Pendaftar, adalah tidak diingini (undesirable) atau adalah nama, atau jenis nama, yang Menteri mengarahkan Pendaftar untuk tidak menerimanya untuk pendaftaran. Peruntukan yang sama yang terpakai bagi syarikat asing adalah subseksyen 341(1) Akta.

Berdasarkan peruntukan tersebut, dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan nama syarikat, Pendaftar Syarikat adalah tertakluk kepada larangan atau sekatan berikut:

- o larangan-larangan mengenai penggunaan nama yang termasuk dibawah Arahan Menteri; dan
- o apa jua nama yang, pada pendapat Pendaftar, adalah tidak diingini (undesirable).

LARANGAN-LARANGAN BERDASARKAN ARAHAN MENTERI

Arahan Menteri adalah seperti yang diwartakan melalui Warta Kerajaan Bil. 716 bertarikh 30 Januari 1997 dan Warta (Pindaan) bertarikh 11 Oktober 2001. Kandungan Arahan Menteri di bawah Warta tersebut adalah seperti berikut :-

JADUAL

- (a) nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda" atau "Yang/Maha Mulia";
- (b) nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, badan berkanun, pihak berkuasa atau agensi kerajaan atau mana-mana majlis perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri" atau "Nasional";
- (c) nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Kerajaan Negara Asean, Komanwel atau kerajaan asing atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana pertubuhan antarabangsa atau kartel termasuk nama yang mengandungi perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC" atau "OPEC";
- (d) nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan;
- (e) nama yang termasuk perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya:

“Amanah”, “Amanah Saham”, “Bank”, “Bursa”, “Bumiputra”, “Biro”, “Buatan Malaysia”, “Dewan Perniagaan dan Perindustrian”, “Dewan Pengeluaran”, “Eksekutor”, “Harga Patut”, “Institut”, “Insurans”, “Jaminan”, “Jurubank”, “Kewangan”, “Khazanah”, “Kredit”, “Kolej”, “Majlis”, “Pengguna”, “Pelaburan”, “Pejabat Pendaftaran”, “Pajakan”, “Perdana”, “Tauliah”, “Tabung”, “Universiti”, “Urusan Bank” atau “Yayasan”;

- (f) nama yang mengelirukan dari segi identiti, jenis, objek atau tujuan sesebuah syarikat atau yang mengelirukan dengan apa jua cara lain;
- (g) nama yang mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang-orang awam; dan
- (h) nama yang –
 - (i) diterjemahkan daripada nama syarikat atau syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta; atau
 - (ii) mungkin menyerupai ataupun dikelirukan dengan nama mana-mana syarikat tempatan atau syarikat asing lain yang didaftarkan di bawah Akta; atau
 - (iii) mungkin menyerupai ataupun dikelirukan dengan nama yang telah disimpan bagi tujuan penubuhan suatu syarikat baru atau pendaftaran suatu syarikat asing ataupun bagi tujuan penukaran nama suatu syarikat tempatan atau syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta.

Sekiranya pemohon atau penaja syarikat mempunyai justifikasi untuk menggunakan nama atau perkataan yang terkandung di bawah Arahan di atas,

pemohon atau penaja tersebut hendaklah membuat permohonan kepada Menteri melalui Pendaftar Syarikat dengan memberikan sebab atau justifikasi bagi penggunaan nama atau perkataan tersebut sebagai sebahagian daripada nama syarikat yang dicadangkan, berserta dengan bayaran RM150.00.

3. LARANGAN PENGGUNAAN NAMA YANG TIDAK DIINGINI

Bagi menentukan sama ada sesuatu nama yang dipohon itu adalah nama yang tidak diingini, Pendaftar Syarikat telah menetapkan beberapa kriteria berpandukan kepada beberapa prinsip am yang telah ditetapkan, termasuk undang-undang lain yang juga membuat peruntukan mengawal penggunaan nama yang ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dikawal oleh undang-undang berkenaan, nama-nama yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dikawal oleh Agensi Kerajaan atau badan profesional dan bagi kepentingan nasional dan awam. Kriteria-kriteria berikut hendaklah dipatuhi:

3.1 Nama Yang Ada Kaitan Dengan Aktiviti Yang Dikawal Melalui Undang-Undang Lain

- (a) Akta Bank Dan Institusi Kewangan 1989 (Banking And Financial Institutions Act 1989) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “bank”, “deposit-taking”, “finance”, “merchant bank”, “discount house”, “money broker”, “foreign exchange broker” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (b) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 (Securities Industry Act 1983) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “stock exchange”, “stock market”, “securities trading market” atau

apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (c) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (Futures Trading Industry Act 1993) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “futures exchange”, “futures broker”, “futures trading adviser” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (d) Akta Insurans 1963 (Insurance Act 1963) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “insurance”, “assurance”, “underwriter” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (e) Akta Pengurupan Wang 1998 (Money-Changing Act 1998) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “pengurup wang”, “tukaran mata wang” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (f) Akta Penilai, Pentadbir Dan Ejen Harta Tanah 1981 (Valuers, Appraisers And Estate Agents Act 1981) ;

Contoh nama-nama yang dikawal mengikut Akta tersebut ialah “estate agent”, “house agent”, “property agent”, “land agent”, “house broker” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya; dan

- (g) Akta Takaful 1984

Perkataan Takaful atau apa-apa perkataan yang sama maksud

dengannya ;

- (h) Akta Perakaunan 1967;
Perkataan "Percukaian", "Cukai", "Perakaunan", "Juruodit", "Perunding Percukaian", "Penasihat Percukaian" atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;
- (i) Akta Perubatan (Iklan dan Penjualan) 1956;
"Klinik swasta", "Klinik", "Klinik Radiologi Swasta", "Makmal Perubatan Swasta", "Rawatan alternatif", "Herba tradisional", "Tabib", "Klinik Rambut", "Homeopathy", "Herba Perubatan Tradisional", "Medical Hall" atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;
- (j) Undang-Undang lain, selain daripada yang disebutkan di atas dan dimaklumkan kepada Pendaftar Syarikat dari semasa ke semasa.

Nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan yang dilarang di bawah undang-undang tersebut di atas boleh dipertimbangkan sekiranya pemohon atau penaja syarikat mendapat kebenaran bertulis daripada agensi yang mentadbir undang-undang tersebut. Surat kebenaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang permohonan carian nama syarikat.

3.2 Nama Yang Ada Kaitan Dengan Aktiviti-Aktiviti Yang Dikawal Oleh Agensi Kerajaan Atau Oleh Sesuatu Profesion

- (a) Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA) ;

Perkataan-perkataan seperti "Labuan Offshore", "Syarikat Luar Pesisir", "Labuan Trust Company" atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

(b) Lembaga Arkitek Malaysia bagi perkataan “arkitek” atau “architect”;

(c) Kementerian Pendidikan Malaysia ;

Perkataan-perkataan seperti “kolej”, “institut”, “universiti”, “sekolah” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

(d) Jabatan Pembangunan Koperasi bagi perkataan-perkataan seperti “koop”, “Koperasi” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

(e) Jabatan Penerbangan Awam ;

Perkataan-perkataan seperti “aviation”, “airways”, “airlines”, “air” atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

(f) Lembaga Jurutera Malaysia bagi perkataan “jurutera” ;

(g) Institut Akauntan Malaysia ;

Perkataan “Percukaian “ atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

(h) Jabatan Perdana Menteri;

Perkataan “Dinar”

(i) Kementerian Perusahaan Utama;

Perkataan “Pusat Seranta Pengurusan Hutan”

(j) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia;

Perkataan “Crypto”, “Muttaqim”, “Mustaqim”, “Ehram Mukjizah”,

"Wakaf", "Amil", "Baitulmal", "Halal", "Wasiat", "Faraid" atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya;

- (k) Seksyen Pengurusan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Perkataan "Amanah" bagi permohonan syarikat amanah.

Nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan yang menunjukkan kaitan dengan aktiviti yang dikawal oleh agensi atau badan profesion tersebut di atas boleh dipertimbangkan sekiranya pemohon atau penaja syarikat mendapat kebenaran bertulis daripada agensi atau badan profesion yang berkenaan. Surat kebenaran tersebut hendaklah disertakan bersama borang permohonan carian nama syarikat.

3.3 Nama Yang Dikawal Dan Dihadkan Penggunaan Kerana Kepentingan Nasional Atau Awam

- (a) Syarikat-syarikat kerajaan dan nama-nama yang telah terkenal berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan
"Astro", "DIGI", "Berjaya", "Chase", "HICOM", "Petronas",
"Intrakota", "Celcom", "Pernas", "Perodua", "Modenas", "Telekom",
"Kenyir", "Kulim Hi-Tech"
- (b) "Cyber" atau apa-apa perkataan yang sama sebutannya;
- (c) "Putrajaya" atau apa-apa perkataan yang sama sebutannya;
- (d) "MSC/Multimedia Super Corridor" atau "Koridor Raya Multimedia";
- (e) "Orang Tengah", "Middle Man";
- (f) "Rezab Melayu", "Malay Reserve";
- (g) Perkataan yang melambangkan aktiviti perjudian seperti
"sweepstake", "loteri", "gambling", "tilik nasib" atau apa-apa

perkataan yang sama maksud dengannya;

- (h) Perkataan seperti “arak”, “liquor” dan seumpamanya; dan
- (i) Perkataan daripada slogan-slogan kerajaan seperti “Wawasan 2020”, “Bersih, Cekap dan Amanah”, “Jatidiri”, “Kuala Lumpur 2001”, “Kuala Lumpur 2006”, “Kuala Lumpur 2008”, “Malaysia Boleh”, “Dulu, Kini dan Selamanya” dan lain-lain yang diperkenalkan dari semasa ke semasa.

3.4 Prinsip-Prinsip Am Dan Ciri-Ciri Nama Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Sesuatu Nama

- (a) Nama hendaklah menggunakan bahasa dan ejaan yang betul;
- (b) Sekiranya nama mengandungi perkataan yang bukan dari Bahasa Melayu atau Inggeris, makna bagi perkataan tersebut hendaklah diberikan;
- (c) Nama yang tidak mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang awam;
- (d) Nama yang tidak melambangkan unsur keagamaan;
- (e) Nama tertentu hendaklah tidak terlalu umum, contohnya “Usaha Sdn. Bhd.” atau “Cantik Sdn. Bhd.”;
- (f) Penggunaan nama diri hendaklah terdiri daripada pengarah-pengarah yang akan dinamakan di dalam memorandum atau artikel persatuan (memorandum or articles of association). Walau bagaimanapun, nama diri boleh dipertimbang jika nama tersebut

terdiri daripada nama anggota keluarga terdekat kepada pemohon atau penaja, seperti nama anak, bapa, isteri, datuk dan nenek atau terdiri daripada nama diri dari syarikat kumpulan yang telah wujud dan mendapat persetujuan daripada syarikat kumpulan yang mempunyai nama diri. Pertalian kekeluargaan ini hendaklah dibuktikan;

- (g) Nama rekaan hendaklah memberikan maksud asal usul perkataan;
- (h) Nama adalah bukan merupakan singkatan yang boleh dikelirukan dengan nama syarikat multi-nasional yang dikenali umum seperti PNB, ICI, IBM;

4. ARAHAN PERTUKARAN NAMA SYARIKAT

Menurut subseksyen 23(3) Akta sekiranya sesuatu nama syarikat itu telah didaftarkan (sama ada dengan tidak disengajakan atau sebaliknya dan sama ada pada nama asalnya atau sebagai pertukaran nama) dengan nama yang tidak boleh didaftarkan tanpa melanggar subseksyen 22(1) Akta, Pendaftar boleh mengarahkan syarikat itu menukarkan namanya dalam masa enam (6) minggu dari tarikh arahan tersebut.

Pendaftar Syarikat

Suruhanjaya Syarikat Malaysia